



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880840
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

'CEPAT DAN MESRA'

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JBPM : PAW/013/16 Jld 13 (09)

Tarikh : 09 Februari 2011

Pengarang Utusan Malaysia

46M, Jalan Lima,
Off Jalan Chan Sow Lin,
55200 Kuala Lumpur

Tuan,

PERKARA : SIARAN 'TUJUH TAHUN TUNGGU CF'

Saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada siaran tersebut di atas yang telah dikeluarkan pada 09 Februari 2011 di ruangan Utusan Kota, Utusan Malaysia muka surat 26 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat semakan ke atas projek perumahan tersebut dan didapati pihak yang berkaitan (Arkitek, Perunding dan Pemaju) masih belum mematuhi beberapa syarat keselamatan kebakaran (Fire Safety Requirement) sebelum surat sokongan pengeluaran Sijil Pendudukan (CF) boleh dikeluarkan. Syarat-syarat keselamatan yang masih belum menepati syarat adalah Pemasangan Lif Bomba dan Tangga Kecemasan. Kedua-dua syarat tersebut adalah berpandukan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan perlu dipatuhi sebelum surat sokongan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia boleh dikeluarkan.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan mengeluarkan surat sokongan pengeluaran Sijil Pendudukan dengan kadar segera setelah kedua-dua syarat tersebut dipatuhi oleh pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'1Malaysia : Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan'

Saya yang menurut perintah,

(SOBBERI BIN BASIRAN)

Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia

s.k. Y.B Saari Sungib
Adun Hulu Kelang